

24/02/1998

ABM mahu ambil pengajar Cuba

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Kerja Raya akan mengambil tenaga pengajar dari Cuba untuk berkhidmat di Akademi Binaan Malaysia (ABM) apabila ekonomi negara pulih dalam usaha meningkatkan kualiti seni bina tempatan.

Menterinya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pengambilan tenaga pengajar dari Cuba adalah selaras kerjasama dua hala dengan Malaysia juga akan menghantar pakar dalam bidang tertentu ke negara itu.

Katanya, kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersama menteri kanan ke Cuba tahun lalu, menjana banyak projek termasuk pembinaan yang kini dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan di negara itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Timbalan Menteri Pembinaan Cuba, Pedro Alejandro Mabardi Abreu, di kementeriannya di sini, hari ini.

Rombongan Timbalan Menteri itu juga diberikan taklimat mengenai dasar, perancangan dan pelaksanaan pembangunan infastruktur kementerian oleh Setiausaha Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Ahmad Dhamanhuri Ali.

Samy berkata, pada pertemuan dengan Abreu, beliau berbincang mengenai kerjasama dua hala dalam bidang teknologi dan pembinaan di kedua-dua negara.

Menurutnya, antara kerjasama yang bakal dilaksanakan ialah membawa masuk pakar pembinaan dari Cuba terutama untuk mengajar di ABM manakala negara itu pula berminat mengetahui rancangan infrastruktur Malaysia.

"Seni bina di Cuba adalah cantik dan menarik. Mereka memiliki kepakaran dalam pembinaan.

"Banyak peluang pelaburan termasuk dalam bidang pembinaan di Cuba dan peluang itu masih boleh dipertimbangkan berikutan kegawatan ekonomi," katanya.

(END)